# Ahli Lembaga Pengarah baharu PNB

**Kuala Lumpur:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pelantikan Tan Sri Zarinah Anwar, Datuk Dr Awang Adek Hussin, Datuk Dr Mohd Yaakub Johari dan Soedirman Aini sebagai Ahli Lembaga Pengarah PNB yang baharu.

Pelantikan itu bagi menggantikan Ahli Lembaga Pengarah sebelum ini terdiri Tan Sri Bujang Mohammed Nor, Tan Sri Asmat Kamaluddin dan Tan Sri Ainum Mohamed Saaid yang bersara pada 31 Disember 2016.

PNB turut mengumumkan pelantikan Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, Datuk Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani dan Datuk Dr Nik Ramlah Mahmood sebagai Ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang baharu.



DR Awang



ZARINAH

Pelantikan itu bagi menggantikan Ahli Lembaga Pengarah sebelum ini, Tan Sri Md Desa Pachi, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin dan Tan Sri Ainum Mohamed Saaid yang turut bersara pada 31 Disember 2016.

Pelantikan baharu itu berkuat kuasa sebaik selesai pemprosesan dokumen berkanun yang berkenaan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, pihaknya mengalu-alukan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah baharu berkenaan.

Menurutnya, beliau yakin kehadiran mereka akan merangsang PNB dalam mencapai wawasannya untuk menjadi sebuah Syarikat Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia.